

Kurikulum Untuk Masyarakat

Oleh

Zaki Jalil

zaki@thereadinggroup.sg

Ramai di kalangan masyarakat Melayu Singapura berada dalam posisi untuk mendidik anggota-anggota yang lain supaya keadaan masyarakat menjadi lebih baik lagi. Golongan ini bukan sahaja dari kalangan guru-guru sekolah, malah dari golongan lain yang juga terbabit di dalam proses penyebaran ilmu dan informasi. Ini termasuklah para wartawan, artis, penulis, asatizah dan aktivis sosial.

Sebagai contoh, seniman masyhur, P. Ramlee, pernah memberi fokus pada masalah buta huruf di kalangan orang dewasa dan implikasi korupsi dalam filemnya, 'Pendekar Bujang Lapok'. Jika diperhatikan, banyak lagi masalah sosial yang disentuh dalam pelbagai rentetan filem yang diarah atau dilakonkan oleh beliau. Begitu juga puisi-puisi Rafaat Hamzah, yang sering meningkatkan kesedaran pada masalah-masalah sosial masyarakat kita.

Setiap pendidik sudah tentulah ada rencana dan fikiran mereka sendiri yang ingin dikemukakan dan diberikan perhatian. Ini menjadi kurikulum yang dirancang (atau *planned curriculum*) para pendidik tadi. Sebagai contoh, mungkin ada di antara kita yang ingin mengatur satu kurikulum untuk masyarakat agar kaum Melayu di Singapura menjadi masyarakat Muslim Minoritas Mithali. Oleh itu, cara pendidikan atau pedagogi yang dipilihnya mungkin melalui seminar-seminar untuk golongan kelas menengah dan berpendidikan. Ada pula yang ingin masyarakat kita ini menghidupkan senarai ciri-ciri yang diinginkan dan mungkin pedagogi pilihannya pula adalah melalui terbitan buku-buku dan syarahan-syarahan di ruang publik.

Maka soalan yang penting untuk para pendidik masyarakat adalah: Adakah kurikulum-kurikulum ini menjawab keperluan masyarakat kita dengan berkesan? Persoalan ini penting kerana sebahagian besar kurikulum-kurikulum ini mempunyai belanjawan yang terhad. Belanjawan seperti ini sering dikumpul melalui pungutan derma dari masyarakat Melayu yang kurang mewah jikalau dibandingkan dengan masyarakat lain di Singapura. Kurikulum-kurikulum ini juga seringkali digunakan, bukan untuk keperluan masyarakat, tetapi untuk keperluan individu-individu yang mungkin mempunyai kepentingan dan agenda yang tersendiri. Oleh sebab itu, dan ditambah dengan faktor-faktor lain, kesedaran kurikulum (atau *curriculum thinking*) akan menjadi lebih penting untuk masyarakat kita.

Kesedaran Kurikulum

Dalam mewujudkan kesedaran kurikulum di kalangan pendidik, perlu diteliti dan diperiksa beberapa fakta yang ada. Antara soalan-soalan yang perlu dikemukakan ialah seperti berikut: (1) Patutkah kurikulum kemasyarakatan menekankan atau mengutamakan produk seperti perolehan dan hafalan pengetahuan dan informasi, atau menekankan proses pembelajaran seperti mencam masalah-masalah yang melanda masyarakat secara tepat dan cuba memikirkan jalan penyelesaian terhadap masalah-masalah tersebut? (2) Dalam masyarakat minoriti yang mempunyai berbagai masalah, yang mana satukah patut diberi keutamaan untuk dicari jalan penyelesaiannya? (3) Bidang pengetahuan apakah yang paling relevan pada masa ini? (4) Lapisan masyarakat yang manakah yang patut diberi perhatian dahulu dan mengapa? (5) Bagaimanakah seharusnya kita bahagikan sumber-sumber yang ada?

Ternyata kesedaran kurikulum ini haruslah seiring dengan kebolehan membaca dan menganalisa masalah-masalah masyarakat. Ini sudah tentu menjadi tanggungjawab golongan elite yang berkebolehan, peka pada ilmu-ilmu kemasyarakatan dan sedar akan adanya pedagogi sosial.

Contoh-Contoh Literasi

Dalam setiap kurikulum, haruslah ada tujuannya (*curriculum aims*). Sebagai contoh, dan juga merupakan advokasi penulis, tujuan kurikulum untuk masyarakat haruslah menitikberatkan pemerksasaan dan penguasaan terhadap kosa kata yang dapat berfungsi (atau *working vocabulary*), Ini penting untuk menolong masyarakat memikirkan masalah dan situasi yang sedang dihadapi. Ini akan meningkatkan lagi tahap literasi yang berfungsi (atau *functional literacy*) di dalam masyarakat tadi.

Literasi boleh diertikan dengan pelbagai cara. Ramai yang mentakrifkannya sebagai keupayaan minda menterjemahkan simbol-simbol yang tertulis kepada perkataan-perkataan yang membawa makna. Akan tetapi, literasi tidaklah terhad kepada proses terjemahan sahaja. Di dalam era globalisasi, perlulah kita fahamkan pelbagai lagi bentuk literasi yang akan menjadi semakin getir. Di sini, saya ingin mengajukan tiga contoh literasi yang harus kita berikan perhatian.

Contoh pertama ialah *literasi kewangan*. Perangkaan menunjukkan ramai dikalangan masyarakat Melayu, jikalau dibandingkan dengan kaum lain, berbelanja melebihi keperluan diri atau keluarga. Ini mencerminkan bagaimana masyarakat kita belum dapat memahami cara untuk mengurus wang dan mengawal kehendak berbelanja mereka. Kemunculan tren golongan miskin yang baru, iaitu mereka yang bergaji tinggi tetapi dibelenggu oleh hutang atas sebab kurangnya literasi kewangan, patut membimbangkan kita. Ini kerana, antara lain, kemiskinan golongan ini disebabkan gaya hidup boros yang membuat mereka tersepit dengan hutang dan biaya kereta, renovasi rumah yang berlebih-lebihan, kad kredit dan sebagainya.

Contoh kedua pula ialah *literasi media*. Ramai kanak-kanak yang terpengaruh dengan iklan-iklan di kaca televisyen sehingga mereka diyakinkan bahawa semua manusia harus ada barangan mewah seperti yang ditayangkan. Paparan kehidupan selesa dan bahagia yang dikaitkan dengan produk yang ingin dijual, seringkali mempengaruhi

imajinasi kanak-kanak sehingga mereka terdidik untuk menjadi konsumen yang ideal sehingga dewasa.

Ramai pula golongan remaja dan dewasa yang dipujuk agar membeli barang-barang berjenama; bukan atas keperluan tetapi kerana kemahuan yang tidak rasional yang telah dikondisikan melalui imej-imej konsumen bahagia di iklan-iklan tadi. Tanpa literasi visual, mereka tidak dapat memisahkan realiti dan khayalan. Mereka tidak dapat pula membaca makna-makna yang tersirat didalam setiap imej yang mereka pandang

Contoh yang ketiga ialah *literasi alam*. Ada sebahagian masyarakat Singapura yang masih buta alam (*environmental illiteracy*). Ramai yang masih tidak sedar bahawa laut sekeliling Singapura mempunyai banyak kehidupan yang unik, termasuk ikan lumba-lumba dan terumbu-terumbu yang kaya dengan bio-diversiti, terutama di pulau-pulau kecil di bahagian selatan. Kurangnya literasi alam ini menimbulkan banyak implikasi. Salah satu implikasinya hambatan pada pembentukan pemikiran saintifik dalam masyarakat. Masih ramai yang belum dapat mengaitkan kepentingan alam yang belum diperkosa oleh proses pembangunan pada pembangunan itu sendiri. Apatah lagi isu-isu kesetaraan antara generasi (*inter-generational equity*) dan kerapuhan sistem lingkungan alam (*fragile ecosystems*) serta kaitannya pada taraf kesejahteraan hidup manusia.

Tiga contoh yang diberikan diatas seolah-olah menyeru kita supaya menyedari bahawa, walaupun ramai di antara kita yang boleh membaca dan tidak buta huruf, literasi fungsional nampaknya wujud dalam keadaan yang lemah. Literasi-literasi ini sangatlah penting untuk masyarakat kita supaya dapat 'membaca' lingkungan dunia mereka. Pada masa yang sama, literasi fungsional dapat melindungi diri mereka dan generasi akan datang dari aspek-aspek negatif globalisasi.

Literasi Huruf dan Literasi Fungsional

Oleh itu, penting ditekankan bahawa kebolehan membaca buku, majalah dan akhbar, tidaklah sama dengan kebolehan membaca realiti kehidupan. Namun, ini tidaklah bermakna kebolehan membaca dan menulis perkataan tidak mustahak. Identiti setiap masyarakat, malah setiap individu, sering ditentukan dengan apa yang dikatakan dan dilakukan di dalam lingkungan sosialnya. Cara kita berkata dan cara orang lain berkata kepada kita sering membentuk kelakuan dan adab kita. Melalui perkataan dan kelakuan inilah kita akan membina dunia yang membina kita.

Walau bagaimana pun, literasi bukanlah hanya kebolehan menghafal makna-makna perkataan yang tertulis, akan tetapi ianya juga adalah kebolehan untuk memahami bagaimana makna-makna perkataan tadi mencorak kehidupan seharian kita. Kita juga harus memahami mengapa sesetengah perkataan sering digunakan untuk menyampaikan sesuatu idea manakala ada pula perkataan-perkataan yang jarang digunakan. Literasi juga harus mengambil timbang siapa yang sering menggunakan sesetengah perkataan-perkataan dan mengapa.

Literasi tidak pula harus disamakan dengan keahlian di dalam sesuatu bidang. Tidaklah mencukupi jikalau seseorang pelajar sains dapat menyenaraikan segala macam formula sains sedangkan dianya belum dapat menyenaraikan mengapa dan bagaimana sains tadi dapat memecahkan masalah kebuluran yang melanda begitu ramai kanak-kanak di dunia hari ini. Kepakaran dalam suatu bidang bukanlah petanda bahawa seseorang tadi sudah memahami realiti dunia yang semakin berbeza dari dunia terdahulu yang telah terbiasa oleh mereka.

Sebagai contoh, seorang pakar dalam bidang kejuruteraan atau perubatan moden tidaklah bererti dia juga fasih dan memahami bagaimana keadaan dunia di masa yang silam telah menentukan keadaan mereka di zaman ini. Tanpa literasi sejarah, minda mereka mungkin langka dengan kosep-konsept penting seperti 'causation'. Mereka juga

tidak akan peka akan wujudnya dalil-dalil sejarah, limitasi akan kegunaan dalil-dalil sejarah, dan adanya pembacaan sejarah yang saling bersaing.

Begitu juga soalnya dengan pembenturan budaya yang semakin pantas akibat pertembungan budaya yang semakin kerap. Oleh itu, literasi budaya juga diperlukan untuk menghindarkan salah faham dan menyemarakkan kerjasama antara sesama. Literasi budaya juga tidak dapat dipisahkan dengan literasi geografik.

Namun, semua ini bukan bermakna bahawa setiap individu harus pakar dalam setiap bidang. Akan tetapi, ianya membuktikan bahawa semakin semakin pesat dunia berubah, semakin tidak mencukupi kepakaran dalam satu bidang sahaja. Literasi tidak boleh diimajinasikan dengan kebolehan membaca dan menulis sahaja. Telah tiba masanya masyarakat Melayu Singapura memikirkan bagaimana untuk menyiapkan anggota-anggotanya, terutama sekali generasi mudanya, dengan literasi-literasi yang telah disebutkan supaya mereka dapat berfungsi dalam era globalisasi ini.

Maka itu, masyarakat kita, terutama mereka yang diberi tanggungjawab untuk mendidik masyarakat, haruslah memikirkan cara-cara kreatif untuk memperkasakan masyarakat kita, terutama mereka yang berada di kelas bawahan. Pendidik-pendidik masyarakat dan sesiapa sahaja yang bertanggungjawab dalam penyebaran maklumat dan pengetahuan, haruslah sedar bahawa mereka boleh memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap literasi fungsional. Literasi-literasi ini tidak dapat dielakkan lagi jikalau para inteligentsia masyarakat kita serius mahu mempersiapkan masyarakat akan realiti kehidupan global yang semakin mencabar.

Kesimpulan

Tekad untuk memikirkan arah pendidikan masyarakat adalah sesuatu yang sangat penting bagi mereka yang berupaya dan berempatis. Masyarakat Melayu Singapura yang dilanda berbagai masalah tidak boleh dibiarkan begitu sahaja, terutama sekali oleh

golongan yang terdidik dan berada. Kita perlulah mewujudkan sekelompok yang sedar akan adanya kurikulum kemasyarakatan supaya mereka dapat pula membantu para pemimpin dan inteligentsia masyarakat memikirkan masalah-masalah sosial yang ada dengan lebih terperinci lagi.

[Disember 2006]